

Baca petikan karangan dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Daripada: Zaiton@gmail.com

Kepada: Azimah@yahoo.com

Perkara: Permainan Tradisional Masyarakat Melayu

Kepada sahabatku, Azimah yang berada di Negara Brunei Darussalam. Apa khabar? Saya berharap semoga saudara dan keluarga sihat sejahtera hendaknya. Dalam e-mel kali ini, saya sertakan maklumat tentang beberapa jenis permainan tradisional masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu untuk dimuatkan dalam buku skrap saudara seperti yang dikehendaki oleh guru saudara.

Saudari,

Permainan tradisional masih dimainkan khususnya di kampung-kampung. Kebanyakan anak muda di sini gemar menghabiskan masa dengan bermain permainan tradisional ini. Dengan cara inilah, hubungan sesama mereka menjadi lebih mesra.

Tentu saudara tahu permainan sepak raga? Permainan sepak raga ini digemari oleh kaum lelaki. Dipercayai permainan ini bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ketika itu, permainan ini popular dalam kalangan golongan bangsawan sebelum diikuti oleh rakyat biasa. Bola sepak raga dibuat daripada bilah-bilah rotan yang dianyam seperti raga sebesar isi buah kelapa.

Satu lagi permainan dipanggil batu seremban. Selain batu seremban, permainan ini dikenali sebagai 'Selambut' atau 'Serembat'. Dulu saudara pernah ceritakan yang permainan ini juga dimainkan di Negara Brunei Darussalam. Permainan ini dipanggil bermain simban. Namun permainannya adalah sama, cuma berbeza cara permainan dan bahan yang digunakan. Lazimnya, permainan ini dimainkan oleh kanak-kanak perempuan secara individu atau berkumpulan. Kalau di Brunei alat atau bahan yang digunakan dalam permainan ini ialah ketul batu, di sini pula menggunakan guli, biji getah atau ketul batu. Objek ini dipanggil 'buah'. Bilangan buah yang diperlukan sebanyak lima biji.

Permainan ini memerlukan beberapa tahap atau cara menyambut buah mengikut tahap kesukaran. Permainan bermula dengan peringkat yang mudah, iaitu dengan menggunakan sebiji buah dinamai buah satu. Proses ini berterusan hingga peringkat lebih tinggi atau peringkat teratas yang dinamai buah tujuh. Permain yang lebih dahulu mencapai tahap teratas akan diisytiharkan sebagai pemenang.

Semoga maklumat tersebut akan dapat membantu saudara menyiapkan tugas berkenaan.

Sekian.

Jawab soalan-soalan berikut dalam bentuk ayat yang lengkap.

- a. Siapakah pengirim e-mel itu?

- b. Apakah maklumat yang dikirim dalam e-mel itu?

- c. Bagaimanakah hubungan dalam kalangan anak muda yang gemar bermain permainan tradisional ini?

- d. Sejak bilakah permainan sepak raga dimulakan?

- e. Daripada apakah diperbuah bola sepak raga?

- f. Selain batu seremban, apakah nama lain bagi permainan ini?

- g. Apakah nama permainan batu seremban di Negara Brunei Darussalam?

h. Siapakah yang lazimnya bermain batu seremban ini?

i. Apakah alat atau bahan yang digunakan untuk bermain batu seremban?

j. Siapakah yang diisytiharkan sebagai pemenang dalam permainan batu seremban ini?
